



JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

AMANAT

**TUAN HAJI HAMIDI BIN ABD HALIM
PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT DAN APRESIASI PENGARAH
TAHUN 2025
JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN**

PADA

21 JANUARI 2025 (SELASA)

**SKY BALLROOM
PALM SEREMBAN**



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,
Cik Nurul Shasheila binti Abdul Mutalib

Yang Berusaha Tuan Mohd Rizal bin Sabran
Timbalan Pengarah Pembangunan

Yang Berusaha Tuan Raffae bin Ahmad
Timbalan Pengarah Operasi

Barisan Urus Setia dari Bahagian Khidmat Pengurusan
selaku Jawatankuasa Penganjur, Majlis Amanat dan Apresiasi
Pengarah Tahun 2025 , Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

Ketua-Ketua Seksyen;

Pegawai-Pegawai Hutan Daerah ; dan seterusnya

Tuan-tuan dan Puan-puan **warga perhutanan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan** yang saya kasihi sekalian. Sebelum saya meneruskan ucapan, marilah kita bersama-sama membaca **surah Al Fatihah** dan satu kali **selawat** ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Izinkan saya sebagai permulaan sebelum ucapan amanat pada pagi ini dengan memetik firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 286: yang terjemahannya:

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya. Dia mendapat (pahala) daripada (kebaikan) yang dilakukannya dan dia mendapat (seksaan) daripada (kejahatan) yang dilakukannya."

Ayat ini mengingatkan kita bahawa setiap amanah dan tanggungjawab yang dipikul adalah dalam keupayaan kita, namun ia menuntut **komitmen, keikhlasan, dan usaha terbaik.**

MUKADIMAH

1. Syukur Alhamdulillah, kita diberi peluang untuk menyambung hidup ditahun 2025 ini dan dapat bersama-sama berhimpun di Majlis Amanat dan Apresiasi Pengarah Tahun 2025 ini. Secara tidak sedar, Allah sambungkan hidup kita selama 21 hari lagi atau 1.8 juta saat di tahun 2025 ini. Oleh itu bersyukurlah, kerana harta masa yang kita dapat ini akan dipersoalkan kelak untuk kebaikan atau lebih kepada sia-sia. Harapan saya, tuan-tuan dan puan-puan fokuslah kepada apa yang hendak saya sampaikan sebagai tambahan kepada ilmu-ilmu baharu dari Pengarah SPRM tadi.

2. Saya dimaklumkan oleh urus setia sebentar tadi bahawa kehadiran fizikal dalam majlis pada pagi ini adalah seramai 180 orang. Tahniah kepada diri kita sendiri kerana kehadiran semua ini membuktikan ia sebagai komitmen luar biasa untuk menantikan apakah amanat yang akan disampaikan oleh saya dan bakal menjadi maklumat kepada seluruh warga perhutanan untuk bertindak sepanjang tahun 2025 ini. Oleh itu sila fokus atau beri perhatian dari bermain-main bersama telefon bimbit atau bercakap-cakap supaya anda semua kekal berada dalam suasana rahmat majlis ilmu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Menekuni amanat YAB Perdana Menteri pada 3 Januari lalu, "...pendekatan **kerangka MADANI itu cukup luas**. Ia menyentuh kepada permasalahan keadilan sejagat. Salah satu nilai dalam MADANI yang ditekankan ialah **nilai Qawam** yang perlu menjadi teras pentadbiran Tahun 2025. Apa itu nilai Qawam? Istilah Qawam bermaksud melaksana atau menanggung. Sikap Qawam ini sebagai isyarat sifat kesederhanaan. Bukan sekadar kesederhanaan, tetapi juga melambangkan sifat keadilan, kesaksamaan, keseimbangan dan tidak melampaui batas. Nilai Qawam akan memastikan setiap tindakan kita berlandaskan etika.

4. Justeru itu, pada Tahun 2025 ini kita sama-sama melangkah ke gerbang tahun baru dengan penuh rasa tanggungjawab dan penuh dedikasi untuk melaksanakan tugas dan amanah yang menjadi akauntabiliti kita sebagai warga perhutanan di Negeri Sembilan. Saya juga mengucapkan selamat tahun baharu kepada semua warga perhutanan Negeri Sembilan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas dedikasi dan komitmen penuh yang telah diberikan sepanjang tahun lalu.

PERTAMA: RINGKASAN PENCAPAIAN TAHUN 2024

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.

5. Tahun 2024 telah menjadi saksi kepada pelbagai cabaran dan pencapaian signifikan dalam usaha kita memastikan pengurusan hutan yang lestari. Komitmen seluruh warga Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan khususnya telah memungkinkan kejayaan-kejayaan penting, antaranya:

- (i) **Pengekalan Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I** menjadi bukti nyata terhadap usaha dan komitmen berterusan Jabatan dalam memastikan pengurusan hutan yang mampan dan berintegriti, selaras dengan piawaian antarabangsa. Oleh itu kita semua termasuk pihak pengurusan Jabatan ini harus komited dalam melaksanakan pensijilan pengurusan hutan mengikut kriteria dan petunjuk Malaysia untuk pengurusan hutan mampan, MC&I SFM.
- (ii) **Pengekalan Pensijilan MS ISO 9001:2015** dalam aspek pengurusan dan operasi turut memperkukuhkan kedudukan

Jabatan sebagai sebuah agensi yang cemerlang dan melambangkan dedikasi kita untuk menjadi sebuah agensi yang cekap, berkesan, dan memenuhi piawaian dalam setiap aspek tadbir urus. Oleh itu saya menyarankan agar semua kakitangan Jabatan bersama-sama pihak pengurusan hendaklah komited dalam melaksanakan Pensijilan Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dengan skop Pengurusan Pengeluaran Kayu Bulat Secara Berkekalan Bagi Hutan Darat Asli Di Hutan Simpanan Kekal.

- (iii) **Pencapaian Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok**, yang mana di peringkat Kebangsaan telah berjaya mencapai sasaran penanaman ke-100 juta pokok setahun lebih awal di mana Negeri Sembilan pula berjaya merekodkan tanaman pokok sebanyak 1.03 juta dari tahun 2021 - 2024. Ini membuktikan komitmen padu pelbagai pihak, agensi kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat umum, dalam usaha memelihara serta memulihara khazanah alam sekitar negara;

- (iv) **Pengukuhan Sektor Ekopelancongan Melalui Program *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)*** di mana 18 program meliputi kategori Kem Kesedaran Hutan dan Pameran Perhutanan dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah terlaksana. Pameran-pameran yang dilaksanakan ini sama ada dalam mahupun luar negara merupakan satu strategi Kerajaan Negeri untuk menarik pengunjung ke Negeri Sembilan dan menikmati keindahan alam semulajadi selain sebagai persediaan Tahun Melawat Negeri Sembilan dan Tahun Melawat Malaysia Tahun 2026. Selain itu, sebanyak 11 program lain dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan Negeri juga dapat dilaksanakan seperti Program 7 Wonders Challenge yang melibatkan Jalur Pendakian di bawah seliaan Jabatan, Sambutan Hari Kelestarian Alam Peringkat Negeri Sembilan dan Lawatan Kerja Kementerian Kewangan serta Lawatan Kerja Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia;
- (v) **Prestasi Belanja Mengurus (B07), Belanja Pembangunan (P58) dan Pelancongan (P62)** yang melebihi 95% menunjukkan komitmen jabatan untuk melaksanakan aktiviti dan program yang dirancang dengan

berhemah selain meningkatkan dan mengukuhkan kemudahan infrastruktur di Taman-Taman Eko Rimba, Jalur - Jalur Pendakian serta Pusat Eko Pelancongan bagi memberikan keselesaan kepada para pengunjung. Jabatan juga berusaha memberikan yang terbaik kepada warga perhutanan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

(vi) **Prestasi kutipan hasil Tahun 2024** sebanyak RM5.03 juta berbanding RM3.3 juta pada Tahun 2023 membuktikan usaha semua pihak sama ada di Pejabat Perhutanan Negeri mahupun Pejabat Hutan Daerah telah membuahkan hasilnya. Oleh itu penting kita sama-sama merancang dan melaksanakan penguatkuasaan hutan bagi mengelak ketirisan hasil.

(vii) **Pengiktirafan Pensijilan MYTQA dan My PARK Award kepada PD Forest.** Anugerah My Park ini bertujuan untuk mengiktiraf dan mempromosi kawasan-kawasan rekreasi dan taman-taman di Malaysia yang mengamalkan pengurusan taman secara lestari dan PD Forest menerima Anugerah Merit Penyelidikan. Manakala MYTQA pula PD Forest dianugerahkan Sijil dan Plak MYTQA bagi Pengiktirafan Produk Pelancongan Melalui Program Malaysia Quality Assurance (MyTQA).

Tahniah kepada kakitangan PD Forest dan lain-lain yang terlibat sama dalam menjadikan PD Forest sekurang-kurangnya mempunyai lima (5) pengiktirafan yang terkumpul termasuk dari MBOR sejak tahun 2022.

6. Sebenarnya banyak lagi kejayaan lain di peringkat Jabatan telah dicapai sepanjang tahun 2024. Kejayaan-kejayaan ini boleh dijadikan penanda aras kepada kita untuk mencapai kecemerlangan yang lebih besar pada tahun 2025. Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Perhutanan Negeri Sembilan atas komitmen dan usaha gigih yang telah direalisasikan sepanjang tahun 2024.

7. Bagi tahun 2025 ini, komitmen tanpa alasan kepentingan peribadi perlu diteruskan untuk menjayakan aktiviti dan program yang telah dirancang. Dari skop pembangunan, kita menerima bajet Pembangunan hutan (P58) sebanyak RM3,150,000.00 berbanding Tahun 2024 sebanyak RM2,317,300.00. Bagi bajet Pelancongan (P62) pula sebanyak RM2,980,000.00 berbanding Tahun 2024 hanya RM1,860,654.00 dan bagi bajet Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pula sebanyak RM2,460,000.00 berbanding Tahun 2024 sebanyak RM2,400,000.00. Selain itu

pihak Kementerian Pelancongan Malaysia telah meluluskan satu projek Sky Walk di Hutan Simpan Pasir Panjang bernilai RM3.0 juta untuk dilaksanakan mulai tahun ini dan 2026. Peningkatan kelulusan peruntukan ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dan MOTAC yang percaya bahawa Jabatan kita mampu melakukan yang terbaik bagi merealisasikan hala tuju eko pelancongan di Negeri Sembilan.

KEDUA: HALA TUJU JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

8. Untuk lebih cemerlang, Jabatan Perhutanan pada dasarnya perlu **melaksanakan transformasi** secara menyeluruh untuk kekal relevan dan sejajar dengan aspirasi negara dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG) 2030. Oleh itu, JPSM telah mula mengorak langkah di bawah Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia yang baharu, YBhg Dato Zahari Ibrahim dengan merangka hala tuju baharu JPSM supaya JPSM terus kekal relevan. Dalam Program

Pemukiman Pengurusan JPSPM di PD Forest @ Sungai Menyala pada September 2024 lalu dan juga di Ipoh Perak, penetapan **visi, misi, dan objektif JPSPM** telah berjaya dirangka.

9. Antara kerangka awal hala tuju JPSPM itu yang dihasilkan:

(i) **Visi:** Menjadi peneraju terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara Lestari;

(ii) **Misi:** Memperkasakan kelestarian pengurusan kepelbagaian fungsi hutan bagi kesejahteraan masyarakat, daya tahan ekosistem dan kemampanan ekonomi.

10. Bagi memenuhi strategi yang digariskan di bawah sembilan (9) teras Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia, sebanyak **lapan (8) objektif baharu JPSPM telah dibentuk**, iaitu:

(i) Memastikan **kawasan hutan yang mencukupi** dengan kepelbagaian fungsinya secara lestari;

- (ii) **Meningkatkan kawasan perlindungan** dan penyambungan pemencilan hutan sebagai kawasan habitat untuk konservasi hidupan liar;
- (iii) **Memperkukuhkan konservasi, restorasi** dan pengeluaran hasil hutan secara berkekalan sebagai satu langkah mitigasi bagi menangani perubahan iklim;
- (iv) Meningkatkan pengeluaran hasil perkhidmatan hutan dan **eko pelancongan** melalui pemeraksanaan produktiviti dan penjanaaan sumber baharu;
- (v) Mentransformasikan amalan pengurusan hutan kepada **teknologi moden dan pendigitalan** bagi meningkatkan keberkesanan serta kecekapan tadbir urus;
- (vi) Memperkasakan **pengurusan perladangan hutan** bersepadu secara mesra alam dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber hutan untuk industri pemprosesan keluaran hutan;

- (vii) Meningkatkan **penglibatan masyarakat setempat**, orang asli dan badan pertubuhan bukan kerajaan dalam aktiviti pengurusan hutan; dan
- (viii) Memperkukuhkan **pembangunan modal insan** yang kompeten, inovatif dan berdaya saing bagi memastikan kesinambungan kepakaran bidang perhutanan secara berterusan.

11. Diharapkan, **hala tuju baharu** ini akan menjadi panduan utama kita di Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dalam **mendepani cabaran** yang semakin kompleks dan memastikan semua warga Perhutanan Negeri Sembilan memahami dan **menyokong visi** yang kita bawa bersama.

12. Seiring dengan ketetapan hala tuju JPSM tahun 2025, **tindakan selanjutnya** di peringkat Jabatan adalah:

- (i) Penyediaan Semula **Pelan Strategik** Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan Bagi Tempoh 5 Tahun (2025-2030). Ia melibat perkukuh pengurusan sumber hutan, meningkat

kesedaran awam serta pemeliharaan biodiversiti dalam Kawasan seluas 155,000 Ha HSK yang ada.

- (ii) Penstrukturan dan **Penyusunan Semula Organisasi** Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Ia selari dengan hasrat JPSM sendiri untuk mewujudkan Seksyen baharu, menggabungkan antara seksyen-seksyen sediaada atau memansuh terus seksyen yang tidak relevan.
- (iii) Pengekalan Pengiktirafan **Pensijilan Hutan** melalui pengekalan sijil MC&I, ISO 9001:2015, pematuhan MyTLAS dan EUDR. Pengiktirafan adalah untuk memberi jaminan bahawa sesuatu amalan atau proses telah memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh sesuatu badan yang berwibawa.
- (iv) Pengukuhan Penguatkuasaan, Perundangan dan Integriti Perhutanan melalui pemakaian **Akta Perhutanan Negara Pindaan 2022**, Operasi Bersepadu dan pemantauan War Room. Rang Undang-undang ini akan dibawa ke DUN pada bulan April 2025 ini bagi

memperketatkan kawalan pembalakan haram dan mengena penalti sehingga RM10.0 juta.

- (v) Strategi untuk **meningkatkan hasil** tahun 2025 kepada sasaran **RM6.87 juta**. Ia akan dicapai melalui kutipan hasil baharu seperti Fi Konservasi Taman Eko Rimba, pelesenan pengeluaran kayu getah, kutipan tunggakan permit penggunaan ladang hutan, ladang durian dan pertanian serta gantirugi kekal kehilangan hasil hutan melalui projek pembangunan dalam HSK.
- (vi) Agenda **Penghijauan Negara** melalui perlaksanaan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan projek restorasi. Kempen ini bertujuan untuk memperbaiki kualiti alam sekitar, memulih ekosistem dan biodiversiti, mengurangkan kesan perubahan iklim serta bencana alam.
- (vii) Meningkatkan **publisiti positif** dan pengembangan perhutanan agar masyarakat sedar mengenai kepentingan perhutanan atau alam sekeliling dalam kehidupan. Masyarakat harus sedar hutan menyerap CO₂, menghasilkan oksigen, memelihara hakisan, mengurangkan risiko banjir,

menstabilkan alam sejagat yang banyak penghuni serta menyejukkan bumi.

KETIGA: PROGRAM-PROGRAM UTAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN TAHUN 2025

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.

13. Sepanjang tahun 2025, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan akan mengatur dan terlibat secara langsung dalam pelbagai program-program utama. **Program utama rasmi Jabatan adalah:**

- (i) Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2025 menerusi Hari Kelestarian Alam;
- (ii) Negeri Sembilan *Forest Orienteering Cup 2025 (World Ranking Event)*;
- (iii) Sungai Menyala Forest Trail;

(iv) *Forest Mountain Bike Orienteering Championship 2025 (National Ranking Event);*

(v) Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-45 di Negeri Sembilan;

(vi) *Angsi Forest Challenge 2025*

(vii) *Angsi Bird Race Challenge 2025*

(viii) *Gunung Datuk Summit Attack 2025*

(ix) *7 Wonders Challenge 2025*, dan

(x) Pelbagai program CEPA melibat komuniti dalam pembangunan dan pemeliharaan alam.

14. Program-program utama ini juga untuk memantapkan jalinan kerjasama dan perpaduan dalam kalangan warga jabatan dan juga agensi luar melalui pelbagai inisiatif.

KEEMPAT: REFORMASI BUDAYA KERJA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.

15. Saya ingin mengambil peluang untuk berbicara tentang usaha kita mencapai kecemerlangan, iaitu ***anjakan perubahan dalam budaya kerja*** di Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Dunia hari ini bergerak dengan begitu pantas, dipenuhi dengan cabaran dan perubahan yang semakin kompleks. Kita merasa **cukup selesa** dengan keadaan semasa sehingga kita tidak terdorong untuk berubah, mencuba **perkara baharu**, atau meningkatkan prestasi. Dalam merealisasi SSPA yang diberikan kenaikan gaji, maka kita harus berubah kepada anjakan positif dengan segera. **Tiada lagi kerja sambil lewa , perlu lebih kreatif dan bersemangat untuk bekerja, selari dengan hasrat bergaji halal.**

16. Berbanding dengan negeri lain, Negeri Sembilan tidak mempunyai banyak kes kesalahan hutan, namun saya menganggap ianya tetap serius. Serius kerana kita kerap kali tidak berjaya menangkap pesalah secara "*red handed*". Perkara ini Jabatan kita akan mengatasinya melalui pendedahan berkursus

kepada kakitangan bagaimana membuat tangkapan dan menyiasat. Satu lagi perkara yang saya ingin pesan, apabila berlaku sahaja kes kesalahan hutan di kesan, pihak Daerah atau Seksyen diminta untuk membuat Laporan Polis serta melaporkan dengan segera (dalam apa cara yang munasabah) kepada Pengarah dan Timbalan Pengarah Operasi terutama jika melibatkan tangkapan pesalah. Ini penting supaya Pengarah boleh mengarahkan pelantikan Pegawai Penyiasat untuk memulakan siasatan dengan segera (penting jika terdapat keperluan untuk mereman pesalah). Seperkara lagi, kerjasama Penguatkuasa Negeri dan Daerah boleh berpadu jika terdapat aduan kesalahan hutan untuk dijalankan serbuan ke atas kawasan tersebut sehingga tertangkap pesalah (melalui pelan risikan dan serbuan yang komprehensif). Jangan kita lengahkan siasatan kerana ini akan mengundang prejudis orang awam kepada Jabatan dalam membuat tindakan.

17. Begitu juga dengan perlaksanaan projek-projek pembangunan, melibat aktiviti Silvikultur, Kejuruteraan, Hutan Lipur dan Perancangan. Ia perlu dilaksana pada awal tahun dan sentiasa dipantau setiap masa. Laporan pemantauan perlu disediakan dan tindakan memberi nasihat dan amaran kepada

kontraktor perlu diberikan segera selepas Jabatan membuat teguran.

18. Secara umum juga, dalam mencapai kejayaan dalam sebarang perancangan, saya ingin sarankan agar setiap aktiviti atau tindakan itu perlu ada *due date* bila tarikh siap bagi memudahkan pemantauan. Pegawai yang menyelia perlu bertindak jika mana kerja masih tidak siap selepas tarikh siap (due date) telah sampai. Penetapan due date ini telah menjadi amalan kepada YB Dato Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan patut kita contohi.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.

19. Ketua Setiausaha Negara (KSN) juga ada menekankan beberapa prinsip utama budaya kerja untuk memastikan perkhidmatan awam kekal **relevan, cekap, dan responsif**. Antara elemen penting yang menjadi fokus termasuk:

(i) Integriti dan Akauntabiliti

- a. Melaksanakan tugas dengan jujur, amanah, dan bertanggungjawab.
- b. Memastikan tiada penyalahgunaan kuasa atau ketirisan dalam pengurusan sumber.

(ii) Inovasi dan Kreativiti

- a. Menerapkan pendekatan baharu dalam menyelesaikan masalah.
- b. Menggalakkan penggunaan teknologi dan pendigitalan untuk meningkatkan produktiviti.

(iii) Perkhidmatan Berorientasikan Rakyat

- a. Mengutamakan keperluan dan kepuasan rakyat dalam setiap perkhidmatan yang diberikan.
- b. Memastikan maklum balas rakyat diambil kira dalam proses pembuatan keputusan.

(iv) Kerjasama Antara Agensi

- a. Memperkukuh sinergi antara jabatan dan agensi kerajaan terutama dalam Operasi Bersepadu.
- b. Menghapuskan silo pentadbiran untuk memastikan keberkesanan dasar.

(v) Kompetensi dan Pembelajaran Berterusan

- a. Meningkatkan keupayaan melalui latihan dan pembangunan profesional.

- b. Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan penjawat awam.

(vi) Kecekapan dan Produktiviti Tinggi

- a. Memaksimumkan penggunaan sumber yang ada untuk hasil terbaik. Sudah tiba masanya untuk seorang itu melakukan kerja secara multi tasking.
- b. Menetapkan dan mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) yang jelas dan realistik.

(vii) Pematuhan Nilai-nilai Murni

- a. Menjunjung nilai-nilai seperti hormat, mesra, dan toleransi dalam hubungan kerja.
- b. Memastikan budaya kerja seronok, harmoni dan saling menghormati.

20. Saya percaya, dengan pendekatan yang lebih terbuka, inklusif dan berkolaborasi, kita dapat mewujudkan budaya kerja yang bukan sahaja memenuhi keperluan semasa, tetapi juga lebih siap untuk menghadapi cabaran masa depan. Kita perlu memastikan bahawa setiap pegawai di Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

mempunyai perasaan tanggungjawab yang tinggi dan bertekad untuk memberikan sumbangan terbaik kepada negara.

PENUTUP

Tuan-tuan, Puan-puan dan warga perhutanan sekalian,

21. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penganjuran Majlis Amanat dan Apresiasi Pengarah Tahun 2025 pada kali ini. Moga apa yang kita rancang dalam tahun 2025 ini kita capai, manakala apa yang telah salah dilakukan dalam tahun 2024 dahulu diambil sebagai sempadan dan tauladan.

Sekian,

Wabillahi-taufik-walhidayah.

Wassallamualaikum Warahmatullahi-wabarakatuh.

Haji Hamidi bin Abd Halim

Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan

21 Januari 2025